

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ]**

**TARIKH : 17 JUN 2015**

**RUJUKAN : 7984**

**SOALAN:**

**Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pendirian Kementerian terhadap isu bantahan sekumpulan penduduk terhadap pemasangan lambang salib di luar rumah kedai yang digunakan sebagai gereja di kawasan Taman Medan, Petaling Jaya.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan memandang serius tentang kejadian-kejadian jenayah yang berlaku, siasatan akan dijalankan tidak mengira sama ada ianya dilakukan oleh pihak individu berpengaruh atau sebaliknya.**

**Berhubung dengan isu perhimpunan bagi membantah kewujudan gereja di kawasan Taman Medan di Metro Square Taman Medan, Petaling Jaya, pihak polis telah menjalankan siasatan berkait Petaling Jaya Repot 5415/2015 di bawah Seksyen 448/511 Kanun Keseksaan kerana melakukan kesalahan cuba melakukan pencerobohan bangunan pada 20 April 2015. Dalam kejadian tersebut terdapat lebih kurang 40 orang telah hadir dan berkumpul di kawasan tersebut.**

**Kementerian tidak bercadang untuk mengulas lebih lanjut mengenai perkara ini kerana dikhuatiri boleh menjejaskan proses siasatan yang sedang dijalankan dan menyerahkan kepada pihak Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.**